

♥19/07/12-14MST

R GB 19-07 00151 BC211

AAB

Mahathir - Australia

I.

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak akan meminta maaf kepada Australia berikutan hubungan tegang antara kedua-dua negara, semasa Menteri Luar Australia Gareth Evans mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini untuk berbincang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Perdana Menteri Australia Bob Hawke telah menulis surat kepadanya menjelaskan bahawa Encik Evans akan menemuinya (Datuk Seri Dr Mahathir) sebagai wakil peribadi.

+Saya tidak akan meminta maaf atau melakukan sesuatu seperti itu. Kami mahu berbincang, itu sahaja,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) ke-24 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak meletakkan syarat bagi pertemuan itu tetapi akan sentiasa berfikiran terbuka.

Hubungan Australia-Malaysia kini renggang berikutan kemarahan kerajaan Malaysian terhadap kritikan-kritikan yang dilemparkan terhadap negara ini oleh media Australia. -- lagi

♥19/07/13-51MST

R GB 19-07 00189 BC212

AAB

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Tarikh tetap bagi pertemuan itu belum diberitahu tetapi Encik Evans akan tiba di sini esok untuk menghadiri Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC) selama tiga hari dengan Menteri-menteri Luar Asean yang memulakan mesyuarat mereka selama dua hari mulai hari ini.

Ketika ditanya sama ada beliau berharap pertemuan itu akan memberikan hasil yang positif, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Sudah tentu, apabila kamu berbincang, kamu akan sentiasa berharap untuk mencapai sesuatu+.

Perdana Menteri enggan menerangkan keadaan hubungan Malaysia-Australia pada masa depan, sambil berkata: +Kita ialah anggota Komanwel+.

Mengenai perbincangannya dengan Setiausaha Negara Amerika James Baker, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, antara lain beliau akan membincangkan mengenai hubungan Malaysia-AS dan pendirian Malaysia mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Beliau juga menyifatkan hubungan Malaysia-AS sebagai baik, dan menambah kata, +seperti biasa terdapat perbezaan antara kawan-kawan+.

Mengenai hasil Persidangan Kemuncak Kumpulan Tujuh (G-7), yang terdiri daripada negara-negara perindustrian, di London, Perdana Menteri berkata, G-7 tidak sepatutnya memberitahu pihak lain jangan menggunakan senjata tetapi mereka juga mesti berhenti menjual senjata kepada dunia. -- Bernama

♥19/07/13-53MST